



Kelantan hargai kejayaan PDRM tumpaskan sindiket pengedaran dadah

بوليتيك دارالنعيم

MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | MUHARRAM 1447H | 06-10 JUL 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Kelantan komited perkukuh perpaduan kaum sejak 1990

Kecemerlangan pelajar Kelantan dalam peperiksaan awam bukti kejayaan DPRK

Kelantan tidak sisi seni dan hiburan, selaras dengan dasar MBI

## Gerak kerja organisasi dijayakan secara kolektif – MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 8 Julai – Prinsip kerja secara kolektif menjadi tonggak utama kejayaan pentadbiran di negeri ini.

Menyatakan hal demikian pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 di Dewan Teratai, hari ini.

Menurutnya, dalam gerak kerja organisasi, tiada usaha bersifat bersendirian kerana kejayaan individu mencerminkan keunggulan keseluruhan jabatan yang berteraskan prinsip Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI).

"Kecemerlangan individu adalah lambang kecemerlangan jabatan. Bagi memastikan penjawat awam berminda kelas pertama, Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang sudah memasuki tahun ke-35 pentadbiran Kelantan terus dijadikan acuan dengan menekankan nilai-nilai Islam sebagai teras budaya kerja," jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa penjawat awam berperanan penting dalam menjayakan aspira-



si kerajaan negeri melalui peningkatan kualiti perkhidmatan, penguasaan teknologi digital serta pemikiran yang kreatif dan mesra rakyat.

Mengulas lanjut, beliau merujuk pandangan Imam Fakhruddin al-Razi bahawa kehidupan yang sempurna ialah berpegang pada kebenaran yang bersandarkan al-Quran dan hadis.

Seterusnya, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada 195 penerima APC dan berharap pengiktirafan tersebut menjadi pemangkin

untuk penjawat awam terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Mendahului senarai ialah 110 penerima daripada Jabatan Negeri, 12 penerima daripada

Badan Berkanun Negeri dan 40 penerima daripada Pejabat Tanah dan Jajahan.

Disusuli 28 penerima daripada Bahagian dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan lima penerima daripada Urus setia Negeri termasuk Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan

“

Kecemerlangan individu adalah lambang kecemerlangan jabatan. Bagi memastikan penjawat awam berminda kelas pertama, Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang sudah memasuki tahun ke-35 pentadbiran Kelantan terus dijadikan acuan dengan menekankan nilai-nilai Islam sebagai teras budaya kerja,”

(UPKN).

Penolong Pengarah Hubungan Seranta UPKN Ahmad Irsyad Sosmed Abdul Bashit dinilai layak menerima APC atas komitmen cemerlang dalam melaksanakan tugas hakiki dan tugas tambahan tanpa rungutan.

Beliau juga berdisiplin tinggi dan sentiasa berdedikasi menjayakan program jabatan dan penyertaan luar jabatan yang layakkannya menerima apresiasi berupa sijil APC dan wang tunai RM1000.00.



# Kelantan komited perkukuh perpaduan kaum sejak 1990

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 8 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan terus menunjukkan komitmen tinggi dalam memperkuuh keharmonian antara kaum menerusi pelbagai inisiatif kebajikan dan program integrasi masyarakat sejak lebih tiga dekad lalu.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, agenda mempertautkan hubungan antara kaum telah menjadi keutamaan negeri itu sejak tahun 1990 lagi, selaras dengan dasar kepimpinan negeri yang mengutamakan kesejahteraan rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

“Selain mewujudkan Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA), kerajaan negeri turut melaksanakan pelbagai program kebajikan seperti kifalah, az-ziwaaj dan lain-lain untuk memberi manfaat kepada seluruh rakyat, tanpa mengira latar belakang,” katanya ketika memberi ucapan alu-aluan dalam Majlis Mesra Kaum 2025 di Dewan Perniagaan Cina, pada Isnin.

Tambah beliau, usaha memperkuuh perpaduan turut diterapkan di peringkat pendidikan apabila



Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) yang dahulunya dikenali sebagai Maahad Dakwah wal Imamah yang mewajibkan pelajarinya mengikuti kelas bahasa Cina selama tiga jam dalam seminggu.

“Inisiatif ini bertujuan meningkatkan interaksi dan kefahaman antara kaum, sekali gus mengeratkan hubungan dan menghapuskan jurang perbezaan yang ada,” katanya.

Sementara itu, Pengurus PEKA, Lim Guang Seng menyifatkan penganjuran Program Mesra Kaum 2025 membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkuuh keharmonian serta perpaduan antara kaum dan agama di

negeri ini.

Katanya, program seumpama ini mencerminkan semangat keterbukaan yang telah lama menjadi asas keharmonian dalam kalangan masyarakat majmuk di Kelantan.

“Di negeri Kelantan yang kita cintai ini, kita hidup bersama dalam suasana masyarakat pelbagai budaya, kepercayaan dan warisan. Maka, menjadi tanggungjawab bersama untuk memelihara keharmonian ini. Ia bukan terletak di bahu satu pihak sahaja,” katanya ketika berucap mewakili kaum dalam majlis tersebut.

Beliau turut menegaskan bahawa penganjuran program seperti ini mampu memperkuuh komunikasi antara pemimpin, agensi agama dan

masyarakat umum, sekali gus dapat mengelakkan salah faham serta prasangka yang boleh mencetuskan ketegangan.

“Semangat muhibah dan kasih sayang harus terus disemai demi memastikan keamanan dan kestabilan negeri terus berkekalan,” tambahnya lagi.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) itu turut dihadiri oleh wakil-wakil pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pelbagai kaum dan agama yang tinggal di Kelantan, menandakan iltizam bersama ke arah perpaduan sejati.

## Kelantan hargai kejayaan PDRM tumpaskan sindiket pengedaran dadah



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 4 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas kejayaan besar menumpaskan sindiket pengedaran dadah yang aktif di Pasir Mas dan Tumpat pada 27 Jun lalu.

Operasi itu berjaya membongkar taktik licik sindiket yang menyembunyikan dadah dalam

timbunan najis lembu, sekaligus membawa kepada rampasan lebih 118,000 biji pil kuda dengan nilai rampasan dianggarkan RM5.04 juta. Kejayaan ini merupakan hasil risikan dan siasatan rapi selama setahun oleh pihak berkuasa.

Selain rampasan dadah, tindakan susulan turut diambil di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pelucutahan Harta) 1988, termasuk penyitaan aset yang dipercayai

berkaitan dengan kegiatan haram tersebut.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan, dalam satu kenyataan media hari ini menyifatkan kejayaan itu sebagai satu langkah besar dalam memerangi ancaman dadah di negeri ini.

“Kerajaan Negeri Kelantan komited sepenuhnya dalam jihad memerangi dadah dan akan terus

bekerjasama erat dengan agensi keselamatan bagi memastikan jenayah dadah dilumpuhkan sepenuhnya,” katanya.

Beliau turut menekankan bahawa kerjasama antara kerajaan negeri dan pasukan keselamatan amat penting dalam usaha melindungi rakyat serta menjamin masa depan negeri yang lebih selamat dan bermaruah.

“Semoga usaha ini terus diperkuuh demi memastikan Kelantan bebas daripada ancaman dadah dan segala bentuk jenayah yang merosakkan,” jelasnya.

Kejayaan tersebut turut dilihat sebagai mesej tegas kepada pihak yang cuba menjadikan negeri ini sebagai pusat transit atau edaran dadah, bahawa tindakan tegas tanpa kompromi akan terus diambil demi kesejahteraan rakyat Kelantan.

# Penjawat awam perlu bersikap reformis, tangkas pacu transformasi – SUK Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 8 Julai – Penjawat awam diseru agar terus tangkas memacu transformasi perkhidmatan dengan sikap reformis dan nilai integriti tinggi selaras dengan tema Kompetensi Unggul, Perkhidmatan Cemerlang yang dipilih sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024.

Sehubungan itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal menegaskan, tema tersebut amat bertepatan dengan tuntutan semasa yang memerlukan penjawat awam bukan sahaja cekap secara teknikal, tetapi juga bijaksana dalam membuat keputusan, tangkas menghadapi cabaran, serta menjunjung tinggi nilai amanah dan akauntabiliti.

“Kita tidak boleh manafikan wujudnya persepsi dan stigma terhadap prestasi pentadbiran awam. Maka, pembudayaan reformasi menyeluruh perlu digerakkan dengan lebih berani dan progresif. Prinsip ‘Betulkan yang biasa, biaskan yang betul’ wajib menjadi pegangan di setiap lapisan organisasi,” katanya dalam majlis tersebut di Dewan Teratai, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan, hari ini.



Beliau turut menekankan bahawa sebarang proses dan peraturan yang tidak lagi relevan mesti dikaji semula agar lebih mesra rakyat dan responsif kepada cabaran semasa.

“Dalam era pasca-normal yang dipacu oleh kecerdasan buatan (AI), automasi dan teknologi disruptif, kita mesti meninggalkan kaedah lama dan mencipta pendekatan baru yang tangkas, inklusif dan berpaksi rakyat,” ujarnya.

Tambah beliau, rakyat tidak menilai kehebatan pentadbiran semata-mata melalui kertas dasar, tetapi melalui pengalaman sebenar semasa mendapatkan perkhidmatan sama ada di kaunter, dalam talian atau secara langsung.

“Setiap jabatan harus menilai

semula titik sentuh dengan rakyat dan memperbaiki pengalaman perkhidmatan secara menyeluruh agar lebih mesra, telus dan efisien,” tegasnya.

Beliau turut mengingatkan bahawa penjawat awam adalah nadi pembaharuan yang mempengaruhi kejayaan sesuatu perubahan.

“Jadilah agen perubahan - reformis yang berani, progresif dan sentiasa dahagakan kecemerlangan. Warisan kita bukan pada pangkat, tetapi pada nilai dan legasi khidmat yang ditinggalkan,” katanya lagi.

Tambahnya, penjawat awam bukan sekadar pelaksana dasar, sebaliknya adalah wajah kepada kerajaan negeri yang membawa agenda Islam, kesejahteraan dan nilai sejagat.

“Maka, tingkah laku, etika dan tutur kata kita menjadi cerminan kepada kerajaan yang kita wakili. Jadilah penjawat awam yang memperlihatkan keindahan adab, kesungguhan dan kesantunan dalam setiap tugas,” pesannya.

Dalam majlis tersebut, turut dilancarkan dua naskah buku terbitan Pengurusan Sumber Manusia iaitu Pelan Operasi Latihan (POL) Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan 2025-2030 dan Pengurusan Tata tertib Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan sebagai panduan memacu kecemerlangan pentadbiran negeri.

Seramai 195 diraikan sebagai penerima APC 2024 dan kemuncaknya diserikan dengan penyampaian Anugerah Perdana Perkhidmatan Cemerlang (APPC) 2024 kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Kelantan Dato' Ab. Pattah Hasbullah dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK) Dr. Hasnan Ramli.

Kedua-duanya menerima insentif berjumlah RM2,000, sijil dan plak sebagai penghargaan atas sumbangan cemerlang mereka dalam bidang kerjaya rasmi, sumbangan kemasyarakatan, kebudayaan dan sukan yang mengharumkan nama organisasi, negeri dan negara.



# Kecemerlangan pelajar Kelantan dalam peperiksaan awam bukti kejayaan DPRK

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 9 Julai – Kecemerlangan pelajar-pelajar Kelantan dalam peperiksaan awam negara seperti SPM, STPM dan STAM bagi tahun 2024 menjadi bukti kukuh keberkesanan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, pencapaian cemerlang para pelajar membuktikan kejayaan dasar tersebut dalam melahirkan generasi Rabbani yang bukan sahaja cemerlang akademik, malah beriman, berakhlaq dan berwibawa dalam memimpin masa depan ummah.

“Kita harap dengan pencapaian cemerlang ini, pelajar dapat menjaga diri daripada terjebak dengan perkara yang tidak bermoral,” katanya ketika memberi ucapan aluan di majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar SPM, STPM dan STAM 2024, di Dewan Islam Kelantan (YIK), Tunjung, di sini, hari ini.

Menurut beliau, kejayaan yang dicapai bukanlah penamat, sebaliknya menjadi titik permulaan kepada fasa baharu kehidupan yang menuntut ketekunan, kesungguhan dan iltizam tinggi. Beliau turut menekankan bahawa ilmu yang diperoleh harus dimanfaatkan untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat dan membangunkan negara.

Beliau turut menyifatkan majlis



tersebut bukan sekadar pengiktirafan kepada pelajar cemerlang, malah menjadi simbol komitmen Kerajaan Negeri dalam mengangkat martabat pendidikan serta menghargai mereka yang mengharumkan nama Kelantan di persada akademik.

Dalam majlis tersebut, 1,301 pelajar menerima Anugerah Kecemerlangan 2025 berbanding 1,200 pelajar pada tahun lalu, dengan setiap penerima membawa pulang wang tunai sebanyak RM500.

Bagi SPM, pelajar dari Yayasan Islam Kelantan (YIK) mencatatkan 195 penerima, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) 703, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) 165, dan sekolah swasta 25 orang. Manakala bagi STAM, seramai 48 pelajar dari YIK, dan tiga dari luar negeri menerima anugerah. Bagi STPM pula, seramai 163 pelajar diraikan.

“Selagi mana mereka anak

Kelantan, kita akan beri anugerah ini. Paling istimewa, pelajar luar Kelantan yang belajar di sini pun turut diberikan penghargaan,” jelas Dato' Wan Roslan.

Katanya lagi, Kerajaan Negeri Kelantan akan sentiasa komited untuk menyokong segala usaha pendidikan khususnya melalui YIK.

Komitmen ini dizahirkan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif berimpak tinggi, antaranya Tuisyen Rakyat sejahtera (TRS) yang diadakan secara percuma di seluruh 45 Dewan Negeri (DUN) di Negeri Kelantan. Inisiatif ini menjadi simbol keprihatinan kerajaan negeri dalam kestabilan pendidikan tanpa mengira latar belakang.

“Alhamdulillah sambutanya amat menggalakkan dan menyumbang kepada kejayaan SPM 2024. Program TRS akan diteruskan lagi dengan penambahan peruntukan untuk setiap DUN.

“Selain itu, satu lagi program baharu iaitu e-Tuisyen Rakyat turut diperkenalkan dengan kerjasama Telekom Malaysia, khusus untuk pelajar tahfiz agar mereka dapat mencapai kecemerlangan akademik,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, program-program tersebut adalah hasil kerjasama erat antara agensi-agenzi kerajaan seperti YIK, Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) dan Intitut Latihan Darulnaim (IL-DAN) yang memainkan peranan penting dalam memastikan pendidikan berkualiti dapat dinikmati semua golongan, terutamanya keluarga berpendapatan rendah.

“Kita akan terus memastikan tiada pelajar tercicir daripada arus pembangunan ilmu. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap kestabilan pendidikan dan masa depan anak-anak Kelantan,” ujarnya lagi.



# Program River Cruise menyusuri sungai Kelantan bakal jadi tarikan baharu

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 4 Julai — Program pelancongan terbaru menyusuri Sungai Kelantan (River Cruise) menggunakan perahu tradisional kolek bakal menjadi tarikan unik kepada pelancong tempatan dan luar negeri.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, inisiatif tersebut akan memperkenalkan pengalaman pelayaran santai sambil menikmati keindahan alam semula jadi serta warisan budaya di sepanjang Sungai Kelantan.

Menurutnya, bot yang digunakan adalah bot kayu tradisional buatan tempatan yang mampu memuatkan sehingga 20 penumpang dengan selesa. Bot tersebut dilengkapi kemudahan tempat makan dan minum bagi keserasian pengunjung sepanjang pelayaran selama dua jam.

“Pelayaran akan bermula dari Jambatan D’Raja ke Pulau Sri Tanjung dan Pulau Suri. Dalam



perjalanan pulang, bot akan singgah di Laman Warisan Kampung Laut sebelum kembali ke Tambatan D’Raja,” katanya semasa sidang media sempena program menyelusuri sungai Kelantan bersama pemain industri Kelantan, hari ini.

Tambah beliau, walaupun perjalanan menggunakan kolek lebih perlahan berbanding bot moden, namun ia dipilih berdasarkan nilai warisan dan identitinya sebagai perahu tradisional Kelantan.

“Perahu kolek adalah seni bina warisan kita yang masih wujud dan

digunakan. Kita mahukekalkan tradisi ini, seiring dengan penggunaan bot moden. Ini juga peluang untuk generasi baharu dan pelancong mengenali sejarah dan keunikan perahu ini,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa program ini dijangka dimulakan sama ada pada penghujung bulan Julai atau awal Ogos selepas beberapa penambahbaikan teknikal selesai dilaksanakan.

Mengulas mengenai harga tiket, Datuk Kamarudin berkata, kadar harga tiket masih dalam rundingan antara pengendali bot, agensi

pelancongan dan pihak hotel. River Cruise itu juga dirancang khas untuk pelancong yang membuat tempanan melalui agensi pelancongan atau hotel, dan tidak melibatkan pengunjung ‘walk-in’.

“Ini bukan persaingan dengan pengendali bot penambang sedia ada, sebaliknya pelengkap kepada sektor pelancongan negeri. Malah, program ini akan memberikan manfaat ekonomi kepada pengusaha bot, agensi pelancongan, hotel dan peniaga di Pulau Suri, Pulau Sri Tanjung dan Kampung Laut,” jelas beliau.

## Kawalan sempadan perlu diperkuuh - Ahli Parlimen Tumpat



Oleh: Norzana Razaly

**TUMPAT**, 5 Julai — Kawalan sempadan negara mesti terus diperkuuh melalui pendekatan bersepadu bagi membanteras jenayah rentas sempadan demi kesajahteraan rakyat.

Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Nawi menggaskan perkara tersebut susulan kejayaan terbaru pihak berkuasa menumpaskan aktiviti penyeludupan pil Yaba di kawasan sempadan, pada Khamis.

Dalam satu kenyataan media

hari ini, beliau merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) serta semua agensi penguat kuasa yang terlibat atas komitmen dan keberanian menutup pintu-pintu kemungkinan yang menjadi ancaman masyarakat.

“Kejayaan ini membuktikan kerjasama erat pelbagai agensi telah mula membawa hasil, menutup pintu jenayah, maksiat dan gejala negatif lain di sempadan,”

katanya.

Beliau dalam masa sama menggaskan, kawalan sempadan yang kukuh memerlukan langkah preventif jangka panjang, termasuk, penambahan serta pembinaan kemudahan logistik di pos-pos kawalan.

Di tambah pula penjagaan keselamatan, kebijakan dan penempatan pegawai yang mencukupi.

Tidak terkecuali, pemantauan berterusan khususnya di laluan panas penyeludupan.

“Isu ini sentiasa saya tekankan kepada Kementerian Dalam Negeri kerana kawalan ketat bukan sahaja mengekang kemasukan dadah, tetapi turut membendung pemerdagangan manusia dan penyeludupan barang terlarang yang boleh merosakkan masa depan anak muda,” ujarnya lagi.

Beliau turut menyeru seluruh masyarakat setempat agar berperanan sebagai mata dan telinga pi-

hak berkuasa dengan menyalurkan maklumat tepat bagi membantu operasi kawalan.

Dato’ Mumtaz menambah, langkah memperkuuh kawalan sempadan bukan sekadar menutup pintu mungkar, bahkan membuka peluang memajukan ekonomi tempatan.

“Dengan pasaran yang bersih dan terkawal, kita boleh memperkuuh perdagangan sah di sempadan, mempromosi produk usahawan tempatan dan merancakkan aktiviti ekonomi halal yang memberi manfaat kepada penduduk Tumpat serta kawasan sekitarnya,” katanya.

Beliau turut mendoakan semoga Tumpat dan Kelantan terus menjadi kawasan sempadan yang selamat, diberkati dan sejahtera, sekali gus menjadikan usaha membanteras jenayah dan memajukan ekonomi tempatan sentiasa di bawah keberkatan dan keredaan Allah SWT.

# Kelantan tidak sisih seni dan hiburan, selaras dengan dasar MBI

Oleh: Asri Hamat

**TANAH MERAH**, 5 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan komited merai semua segmen kehidupan termasuklah institusi seni, hiburan dan perfileman, selaras dengan dasar pentadbiran negeri Membangun Bersama Islam (MBI).

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, hiburan dan kesenian adalah sebahagian daripada elemen dalam Islam yang tidak boleh dipisahkan.

“Juzuk daripada kesenian, hiburan merupakan satu juzuk daripada juzuk-juzuk Islam yang tidak terpisah. Kerajaan Negeri Kelantan menggabungkan semua hal ehwal agama dan kehidupan untuk dibawa ke dalam pentadbiran kerajaan negeri tanpa menyisihkan perkara-perkara yang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program Bicara Selebriti Siri 2.0 anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) yang berlangsung di Dewan Majlis Daerah Tanah Merah, pada Jumaat.

Menurut beliau, Enakmen Kawan Hiburan dan Tempat Hiburan 2025 yang telah diluluskan pada Sidang Dewan Negeri Kelantan tahun lalu, kini telah mula dikuatkuasakan bermula Januari tahun ini. Enakmen baharu ini



menggantikan enakmen terdahulu dengan beberapa penambahbaikan penting.

“Dalam enakmen baharu ini, kita membenarkan rakyat berhibur tetapi masih tertakluk kepada pekeliling, prasyarat tema dan lain-lain supaya negeri ini kekal baik dan harmoni. Contohnya, seperti program Jom Heboh 2023 di Kelantan yang memerlukan pengasingan tempat duduk lelaki, perempuan, dan keluarga serta disediakan ruang solat.

“Lagu-lagu yang hendak dipersembahkan juga turut disenam supaya tidak bercanggah dengan Syariat, seperti lagu cinta melampau dan seumpamanya,” jelasnya.

Tambah beliau lagi, enakmen baharu turut membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pengajur program hiburan yang melanggar peraturan walau-

pun kesalahan hanya diketahui selepas program berlangsung.

“Jika program itu tular seminggu selepas diadakan sekali-pun, tindakan tetap boleh diambil. Kompaun maksimum sehingga RM150,000, penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan jika disabitkan kesalahan.

“Berbeza dengan enakmen terdahulu yang menghadkan tindakan hanya boleh diambil semasa program berlangsung. Kita perkata peraturan ini supaya tidak ada lagi pengajuran program yang melanggar syariat dan peraturan negeri,” tegasnya.

Mengulas mengenai program Bicara Selebriti, YB Mohd Asri menyatakan bahawa kerajaan negeri sentiasa memberi ruang kepada golongan selebriti untuk menyampaikan pandangan mereka selaras dengan Islam.

“Melalui program ini, kita akan buat giliran para selebriti untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mereka. Sebelum ini, kita telah bawakan Sabri Yunus dan Angeline Tan (Ardini) untuk siri 1.0, dan bagi siri 2.0 kali ini, kita jemput Syed Aiman dan Linda Rafar.

“Siri akan datang, kita akan jemput selebriti lain mungkin Alif Satar, Eman Manan dan lain-lain dan tidak semestinya anak jati Kelantan untuk mereka boleh melontarkan pandangan mereka sebagai insan seni yang diraikan,” katanya.

Turut hadir dalam program tersebut ialah Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Panau YB Dato' Abdul Fattah Mahmood, ADN Gual Ipoh YB Bahari Mohamad Nor, Pengarah UPKN Razuan Awang Hamad serta mantan Pengarah UPKN Wan Yusof Wan Mustafa.



# “Bas Pink” nafas baharu pengangkutan awam Kelantan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 6 Julai – Pengangkutan awam di Kelantan kini menerima suntikan baharu menerusi pelaksanaan Program Transformasi Bas Berhenti-henti (SBST), lebih dikenali sebagai “Bas Pink” yang diperkenalkan untuk mengembalikan peranan penting bas dalam kehidupan rakyat negeri ini.

Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato’ Dr. Izani Hussein berakata, perkhidmatan bas pernah menjadi nadi utama pergerakan rakyat Kelantan untuk ke sekolah, ke bandar, malah merentas negeri.

Namun, kemajuan teknologi dan peningkatan pemilikan kenderaan persendirian telah menyebabkan penggunaan bas semakin dilupakan.

“Kereta sekarang makin banyak dengan harga makin mampu milik, manakala jalan pula makin sesak. Namun usaha kerajaan tak pernah berhenti.

“Melalui kerjasama Kementerian Pengangkutan, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)



dan syarikat E-Mutiara, Bas Pink diperkenalkan sebagai perkhidmatan moden, mesra rakyat dan berdaya saing,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial miliknya, hari ini.

Katanya lagi, perkhidmatan bas tersebut mempunyai keistimewaan tersendiri seperti sistem bayaran pelbagai kaedah seperti tunai, kad dan e-wallet, kemudahan mesra OKU, pas tanpa had, serta sokongan aplikasi dan laman web yang sedang dibangunkan.

“Bas Pink akan beroperasi di 16 laluan utama di seluruh negeri termasuk Kota Bharu ke Lapanan Terbang, UiTM Machang dan

Pengkalan Kubor dan banyak lagi dengan kekerapan antara 30 hingga 60 minit, menjadikannya sesuai untuk ke tempat kerja, kuliah dan urusan harian,” jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak terlibat yang menjayakan inisiatif tersebut dan menyeru rakyat Kelantan agar memberi peluang kepada perkhidmatan berkenaan.

“Guna dan sokonglah pengangkutan awam untuk mengurangkan kesesakan jalan raya, jimat belanja, dan lebih lestari,” ujarnya.

Terdahulu, YB Dato’ Dr. Izani menerima kunjungan hormat Timbalan Ketua Pengarah Pembangu-

nan, Bahagian Perancangan Polisi Mod Jalan APAD, Shahreel Riza Idris, di pejabatnya di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim pada Rabu.

Dalam kunjungan hormat tersebut, Shahreel telah menerangkan tentang pelaksanaan perkhidmatan BAS.MY Kota Bharu, termasuk penggunaan kendaraan elektrik (EV), bas mini yang lebih sesuai dengan keadaan jalan dan permintaan di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Beliau turut memaklumkan mengenai cadangan pertambahan laluan baharu yang akan menghubungkan kawasan berpenduduk padat serta institusi penting di sekitar Kota Bharu dan jajahan berhampiran.

Turut serta dalam kunjungan hormat tersebut ialah, Timbalan Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar YB Saizol Ismail, Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Polisi Mod Jalan APAD, Nur Sufiah Abdul Razak, pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) serta pegawai-pegawai dari Konsortium E-Mutiara Berhad.

## Projek Quick Win berpotensi jadikan Gua Musang sebagai hab songket



Oleh: Asri Hamat

**GUA MUSANG**, 7 Julai – pelaksanaan Projek Quick Win yang kini giat diusahakan Pejabat Tanah dan Pejabat Ketua Jajahan Gua Musang berpotensi menjadikan Gua Musang sebagai hab baru perusahaan songket di Kelantan.

Ketua Jajahan Gua Musang Mohd Roshdi Ismail berkata langkah tersebut diambil bagi memenuhi permintaan tinggi terhadap kain songket yang kini hanya bergantung kepada pengusaha di Penambang, Kota Bharu.

“Kita sedar perusahaan songket di Penambang tidak lagi mampu menampung permintaan pelanggan kerana hanya ada satu pengusaha aktif di Kelantan.

“Justeru, kita mahu lahirkan lebih ramai pembuat songket baharu di Gua Musang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat pembangunan jajahan sempena lawatan kerja Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud ke Gua Musang pada Khamis.

Menurutnya, pada 19 Jun lalu, pihaknya telah bekerjasama dengan Pertubuhan Kraf Malaysia untuk menganjurkan Seminar Songket bagi mengenal pasti sekurang-kurangnya 10 peserta yang berpotensi.

“Mereka yang terpilih akan dihantar ke Penambang selama tiga bulan bermula Ogos hingga Oktober untuk mempelajari pembuatan songket secara intensif. Apabila mahir, mereka akan kembali ke Gua Musang untuk membuka bengkel masing-masing serta melatih penduduk setempat,” jelasnya.

Dalam usaha memperkuuh projek ini, katanya, pihaknya turut berbincang dengan institusi perbankan yang bersatu menyediakan bantuan dana permulaan sekitar RM5,000 bagi pembelian peralatan asas, selain menawarkan pinjaman tanpa riba sehingga RM20,000 untuk modal operasi.

Tambah Mohd Roshdi, lokasi strategik Gua Musang yang terletak di pertengahan laluan antara Kota

Bharu dan Kuala Lumpur serta jarak tiga jam ke Terengganu menjadikannya lokasi ideal untuk dijadikan pusat pengeluaran songket baharu di Kelantan.

Selain projek songket, beliau memaklumkan Bukit Chupak turut terlibat dalam pelaksanaan Projek Quick Win melalui pembangunan taman rekreasi hutan bandar yang kini dalam proses pembinaan dan dijangka siap November ini.

“Bukit Chupak sememangnya popular sebagai lokasi riadah. Projek taman rimba ini menelan kos sekitar RM500,000, lengkap dengan laluan jogging dan denai mendaki untuk kemudahan pengunjung,” katanya.

Dalam masa sama, Gua Musang turut mempunyai beberapa tarikan ikonik lain seperti Musang Agropark, Masjid Buluh, Gua Neo dan beberapa lokasi ekopelancongan lain yang semakin mendapat perhatian pengunjung dari dalam dan luar Kelantan.

# Projek Hidroelektrik Nenggiri dijangka beroperasi 1 Jun 2027

Oleh: Asri Hamat

**GUA MUSANG**, 4 Julai – Projek Hidroelektrik Nenggiri yang sedang giat dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Genco) kini telah mencapai kemajuan sebanyak 56 peratus siap dan dijangka mula beroperasi pada 1 Jun 2027.

Menurut Ketua Pegawai Pembangunan TNB Genco, Sharil Abdul Latif, projek berimpak tinggi yang dimulakan pada Mac 2022 ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun dengan kos keseluruhan mencecah RM5 bilion.

Katanya, setelah siap projek ini mampu menjana kapasiti tenaga sebanyak 300 megawatt (MW), sekali gus menyumbang kepada kestabilan tenaga nasional.

“Projek ini bukan sahaja menyumbang kepada sumber tenaga boleh diperbaharui negara, tetapi juga membawa pelbagai manfaat sosioekonomi kepada negeri Kelantan dan komuniti sekitarnya.

“Antara manfaat utama projek ini termasuk pengurusan banjir yang lebih efisien semasa musim tengkujuh apabila Empangan Nenggiri dapat mengawal aliran dan paras air Sungai Nenggiri.

“Selain itu, empangan ini akan menyediakan bekalan air bersih serta sistem pengairan ke kawasan hilir, membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, menyediakan penempatan yang lebih selesa kepada komuniti Orang Asli dan memperkuuh potensi agro-pelancongan di negeri Kelantan.”

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat tentang projek



hidroelektrik Nenggiri, sempena lawatan kerja Menteri Besar, YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, ke tapak projek tersebut pada Khamis.

Setelah siap, empangan ini akan membentuk tasik takungan seluas 53.84 kilometer persegi dan kolam pengairan seluas 0.97 kilometer persegi, menjadikannya antara projek tenaga hidro yang paling signifikan di Pantai Timur.

Kata Sharil lagi, lanjutan kepada pembangunan projek ini, TNB Genco turut merancang membina projek hidroelektrik solar terapung di kolam takungan utama empangan dengan anggaran kapasiti 700 MW. Projek bernilai lebih RM2 bilion itu dijangka siap menjelang 2028.

“Gabungan tenaga hidro dan solar akan menjadikan Nenggiri dan negeri Kelantan sebagai pusat tenaga lestari yang menggabungkan inovasi teknologi dan tanggungjawab sosial,” jelas Sharil.

Jelas beliau lagi, bagi memastikan pelaksanaan projek ini memepati piawaian keselamatan dan

kelestarian alam sekitar, TNB Genco turut menjalankan ekskavasi arkeologi serta pemuliharaan warisan dengan kerjasama Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

“Bagi memelihara khazanah sejarah kawasan tersebut, TNB Genco akan membangunkan sebuah galeri mini di Gua Musang yang akan menempatkan artifak yang ditemui sepanjang proses ekskavasi. Galeri tersebut dijangka siap pada tahun 2027,”

Dalam aspek pembangunan komuniti, TNB Genco tidak melupakan tanggungjawab sosialnya. Pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan termasuk bantuan pendidikan kepada pelajar cemerlang dan peluang pekerjaan kepada masyarakat Orang Asli. Antaranya termasuk pelantikan seorang anak muda Orang Asli suku Temiar dari Pos Pulat sebagai juruteknik awam di pusat projek bermula Januari 2025.

Sempena lawatan kerja Menteri Besar itu juga, dua pelajar cemerlang SPNM dari Gua Musang telah

“

Projek ini bukan sahaja menyumbang kepada sumber tenaga boleh diperbaharui negara, tetapi juga membawa pelbagai manfaat sosioekonomi kepada negeri Kelantan dan komuniti sekitarnya,”

menerima bantuan pengajian ke Intitut Pengajian Tinggi (IPTA dan IPTS) daripada TNB. Mereka ialah Nur Syafienaz Nazri, anak Orang Asli dari suku Temiar dan Mohd Alif Firdaus Mohd Zamri.

Shahril turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas sokongan padu sejak permulaan projek berkenaan lagi.

“Membangunkan projek ber-skalas besar seperti projek hidroelektrik Nenggiri ini amat mencabar dari segala aspek. Tanpa sokongan yang kuat daripada Kerajaan Negeri Kelantan, kami pasti projek ini tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan.

“Jadi, pada kesempatan ini kami di TNB Genco mengucapkan setinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan di atas segala sokongan, bantuan yang telah diberikan sejak awal projek ini bermula.

“Kami amat menghargai segala sokongan daripada kerajaan negeri dalam memastikan kelancaran projek ini sehingga ia dapat beroperasi secara komersial pada 2027 nanti,” katanya.





Projek Hidroelektrik Nenggiri  
dijangka beroperasi 1 Jun 2027

Buletin دارالنعيم

MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | MUHARRAM 1447H | 06-09 JUL 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

## Kerajaan negeri peruntukkan RM1.5 juta bagi program melabuh tukun tiruan

Oleh: Asyura Muhamad

**PASIR PUTEH**, 6 Julai - Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan RM1.5 juta bagi program melabuh 51 buah tukun tiruan (konservasi) di perairan Kelantan.

Program dengan usahasama Jabatan Perikanan Malaysia tersebut yang dikenali sebagai Ecological Fund Transfer for Biodiversity Conservation (EFT) adalah program baharu dan khas yang mula diperkenalkan pada tahun 2024 di bawah peruntukan kerajaan negeri kelantan bagi tujuan menyediakan kawasan perlindungan dan pemberian pelbagai spesis ikan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kerja-kerja melabuhkan tukun tiruan ini dibuat di beberapa kawasan pesisir pantai iaitu di Tumpat, Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh bagi membantu pemberian ikan dan sekaligus dapat meningkatkan hasil tangkapan nelayan tempatan.

"Bagi tahun ini, sebanyak 12 unit



Tukun Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda (TDL-PT) telah dilabuhkan, iaitu enam di perairan Pasir Puteh dan enam lagi di perairan Bachok."

Beliau berkata demikian di Program Melabuh Tukun Tiruan (Konservasi) di Perairan Pasir Puteh/Bachok Negeri Kelantan bertempat di Kompleks LKIM Tok Bali, Pasir Puteh, hari ini.

Tambahnya lagi, setiap tukun yang dilabuhkan itu adalah seberat 15 tan metrik dengan ukuran 2.6 meter tinggi dan 2.5 meter lebar serta panjang, dibina menggunakan

konkrit bertetulang mengikut spesifikasi teknikal yang mematuhi garis panduan Guidelines for the Placement of Artificial Reefs oleh United Nations Environment Programme (UNEP).

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perikanan Malaysia Dato' Azahari Othman berkata, pelaksanaan tukun tiruan merupakan strategi utama pemuliharaan marin yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan komuniti nelayan dan ekosistem laut.

Tambah beliau, berdasarkan

kajian yang dijalankan oleh Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT), DOF pada tahun 2020, sebanyak 129 kg sehingga 6,047kg biomass ikan telah direkodkan pada satu tapak tukun tiruan dengan nilai sumber tertinggi ikan komersil berjumlah RM84,759.60.

"Secara keseluruhan, nilai ekonomi daripada 74 tukun tiruan dianggarkan mencecah RM6.2 juta. Penemuan ini jelas menunjukkan potensi besar sektor perikanan dalam menyokong keterjaminan makanan negara melalui pelaksanaan projek tukun tiruan secara berterusan dan strategik," jelasnya.

Sebagai rekod, bermula tahun 2007 sehingga 2025, sebanyak 318 tukun pelbagai jenis telah dilabuhkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia yang membabitkan perbelanjaan sebanyak RM 6.46 juta.

Turut hadir ialah Timbalan Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Shaari Mat Hussain, Ahli Dewan Negeri (ADN) Semerak YB Nor Sham Sulaiman dan ADN Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Husin.

## Luahan 60 jurulatih 22 jenis sukan didengari - Exco Sukan



Oleh: Norzana Razaly

**TERENGGANU**, 7 Julai – Komitmen Kerajaan Negeri Kelantan untuk memperkuuh mutu sukan negeri diterjemahkan melalui sesi townhall bersama lebih 60 jurulatih yang mewakili 22 jenis sukan dalam satu pertemuan terbuka anju-

ran Majlis Sukan Negeri (MSN).

Sesi townhall itu diadakan bersempena Bengkel Kejurulatihan Sukan Negeri Kelantan selama tiga hari dua malam di Tanjung Demong Resort, Besut, pada Ahad.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, sesi tersebut memberi ruang kepada para jurulatih untuk meluahkan isu berbangkit, cabaran lapangan serta berkongsi idea bagi meningkatkan prestasi atlet.

"Dah lama sebenarnya saya ingin bertemu dengan para jurulatih atlet sukan ini. Alhamdulillah, hari ini baru ada peluang. Kita buat sesi townhall terus supaya semua dapat

utarakan apa yang terbuku di hati," katanya menerusi hantaran di laman sosial, hari ini.

Beliau menegaskan, para jurulatih adalah individu paling dekat dengan atlet serta memahami realiti sebenar di gelanggang dan lapangan, justeru segala pandangan mereka diberi perhatian sewajarnya.

"Saya mendengar sendiri dan memberi perhatian penuh kepada setiap isu dan idea yang dikemukakan. Kita juga sedar kedudukan kita dalam arena sukan dan segala keterbatasan yang ada. Namun, itu bukan menjadi penghalang untuk kita terus berusaha meningkatkan mutu sukan di Kelantan," jelasnya.

Tambahnya, sesi townhall itu juga adalah bukti sokongan berterusan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap pembangunan bakat sukan serta persiapan rapi menjelang temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026.

"Bengkel ini bukan sahaja bertujuan menambah ilmu dan kemahiran kejurulatihan, malah menjadi platform penting memperkuuh hubungan, persefahaman dan kerjasama antara kerajaan dengan barisan jurulatih," katanya lagi.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada MSN Kelantan atas pengajuran bengkel tersebut yang dilihat berjaya mempertemukan barisan jurulatih dengan pemimpin suka dan atlet negeri Kelantan.